



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

Sejauh mana filem boleh ditafsir?

SALAM SINEMA

Bersama
DR. NORMAN YUSOFF

normyus@hotmail.com



SAYA sering terdengar komentar atau pertikaian pihak tertentu bila sesebuah filem ditafsir (contohnya, oleh pengkritik filem). Antaranya, pihak ini berpandangan yang makna-makna yang diungkapkan ini tidak sejajar dengan keinginan si pengarah atau penulis skrip sesebuah filem itu. Sudah tentu, filem mempunyai makna atau maksud tertentu kerana kita yang “mengeluarkan” makna tersebut menerusi tafsiran (*interpretation*). Ada ketikanya, pengarah filem memberi petunjuk atau pembayang terhadap makna yang kita akan ungkapkan; ada ketikanya pula kita “menggali keluar” makna yang tidak langsung difikirkan pengarah. Kebergantungan terhadap *authorial intention* (niat pengarah atau pengarang) hanya akan menafikan hakikat yang filem boleh ditafsir, selain membataskan tahap ungkapan makna bagi sesebuah filem.


Bentuk seni dan teks budaya seperti filem melibatkan tafsiran seperti mana teks-teks yang lain (seperti kitab suci dan karya seni) serta fenomena tertentu (seperti sejarah dan mimpi). Teks dan fenomena ini ditafsir bagi membantu kita memahami kandungan atau intipati yang dikemukakan dengan lebih mendalam.

Dalam tradisi ilmu kemanusiaan, tafsiran merupakan kaedah utama dalam penghasilan atau penjanaan ilmu pengetahuan baharu. Seni, teori dan amalan tafsiran sesuatu teks atau fenomena disebut hermeneutik. Hermeneutik merupakan tradisi yang berakar umbi dalam penelitian dan tafsiran kitab-

kitab suci agama samawi (agama Ibrahimiah) seperti Yahudi, Kristian dan Islam.

Filem boleh ditafsir bagi “menggali keluar” makna yang tersirat dan tersembunyi. Justeru, tafsiran filem boleh membantu dalam mengangkat dan meletakkan nilai terhadap filem yang diulas, dikritik atau dikaji. Tafsiran filem melibatkan beberapa bentuk dan tahap. Aktiviti mentafsir filem bukan sahaja terbatas kepada para *specialist* (penyelidik, sarjana, pengkritik atau pengulas filem) tetapi juga penonton kebanyakan. Pada peringkat yang paling asas, menulis sinopsis cerita atau ringkasan plot bagi sesebuah filem merupakan satu bentuk tafsiran filem. Bentuk tafsiran lain yang asas termasuklah mengenal pasti dan menghuraikan “mesej, moral cerita” atau tema sesebuah filem itu.

Tahap tafsiran seterusnya merupakan ungkapan makna secara tersirat atau mendedahkan maksud yang mungkin terperosok atau tertanam di bawah permukaan sesebuah filem itu. Pentafsir perlu mempunyai pengetahuan tertentu dalam konteks cerita sesebuah filem itu, selain memahami elemen formal bagi medium sinema, terutamanya hal-hal yang membina *form* sesebuah filem dari bentuk naratif ke gaya estetik. Tahap tafsiran sebegini boleh diterokai sedikit jauh jika maksud-maksud yang diketengahkan (tersurat atau tersirat) diletak dudukan dalam ruang lingkup atau perspektif tertentu yang melibatkan nilai-nilai sosial atau ideologi. Jenis tafsiran sebegini akan menyedarkan



sebegini boleh diterokai sedikit jauh jika maksud-maksud yang diketengahkan (tersurat atau tersirat) diletak kedudukan dalam ruang lingkup atau perspektif tertentu yang melibatkan nilai-nilai sosial atau ideologi. Jenis tafsiran sebegini akan menyedarkan kita terhadap ungkapan makna sebagai satu fenomena sosial, yang akhirnya kebanyakan makna bersifat ideologikal. Yakni, makna-makna ini mengakar dari sistem kepercayaan (yang spesifik secara budayanya) tentang dunia yang merangkumi pegangan agama, ideologi politik, pandangan sarwa, nilai, dan falsafah, antara lainnya.

Namun, ada masalah dengan tahap tafsiran filem yang lebih jauh ini. Pendekatan ini (yang seringkali dipanggil *reflectionist*) mengambil kira konteks luaran yang luas seperti budaya masyarakat, sistem atau iklim sosio-politik semasa, dan era atau zaman (sewaktu filem tersebut dihasilkan). Salah satu contohnya adalah usaha mentafsir filem sebagai satu bentuk alegori sosial atau politik. Contohnya, para sarjana dan pengkritik Anglo-Amerika mentafsir ancaman syaitan atau kuasa batil bagi melenyapkan unit keluarga dalam filem-filem seram Amerika era 1970-an sebagai perlambangan atau cerminan kepada kebobrokan institusi kekeluargaan di Amerika Syarikat pada era tersebut.

Tafsiran sebegini boleh dipertikaikan keabsahannya kerana kurang berasas atau tidak konkrit, selain bersifat terlalu abstrak dan sewenang-wenangnya.

Tafsiran terhadap filem seram Amerika itu boleh diterima jika maksud tematik atau ideologikalnya diperlihatkan perkaitan dengan - dan

perkaitan dengan - dan pembuktian menerusi - aspek stail (contohnya, *mise en scène*). Justeru, tafsiran filem perlu mengambil kira aspek spesifikasi medium, dengan mencerakinkan elemen formal tertentu seperti sinematografi, suntingan atau bunyian.

Kandungan cerita

Tafsiran yang hanya mengambil kira aspek kandungan cerita tiada bezanya dengan tafsiran terhadap teks sastra mahupun drama. Di dalam sinema, kandungan cerita tidak berdiri dengan sendirinya tetapi berinteraksi dan berhubungan dengan elemen formalnya (seperti aspek estetika) bagi mencorakkan keseluruhan form sesebuah filem itu.

Contohnya, pengkritik yang menyentuh tema represi dalam melodrama arahan Douglas Sirk era 1950-an dan 1960-an turut mengambil kira aspek estetika yang mewah dan menyerlah - dari latar set, tata busana, warna hingga komposisi syot - bagi menyuarakan ironi terhadap segala bentuk pendaman, penekanan dan penafian perasaan yang dilalui watak-wataknya. Begitu juga bila "membaca" filem-filem bercorak sejarah seperti filem Taiwan, *A City of Sadness* (Hou Hsiao-hsien, 1989), pentafsir bukan hanya mengungkap maksud kandungan ceritanya (yang peristiwa sejarah mempunyai kesan yang kuat terhadap masyarakat dan unit keluarga). Tetapi juga gaya estetik Hou menerusi penggunaan elipsis naratif dan ruang *offscreen* yang boleh ditafsirkan bahawa sejarah boleh berlaku di sesuatu tempat tetapi kesannya dirasakan di mana-mana sahaja.

Tafsiran yang melibatkan aspek formal sinema pula berkecenderungan untuk "mengacuankan" makna yang mutlak. Contohnya, kita pernah mendengar klise tentang makna sesuatu teknik filem seperti

syot low angle yang dikatakan menunjukkan watak dalam keadaan dominan, berkuasa dan gagah, manakala *syot high angle* mempamerkan watak yang lemah, kalah dan tidak berdaya.

Namun, kita tidak sepatutnya terperangkap dalam kerangka klise yang mudah sebegini kerana makna atau maksud sesuatu elemen formal sinema itu ditentukan dalam konteks dan form keseluruhan sesebuah filem. Dalam filem Amerika klasik, *Citizen Kane* (Orson Welles, 1941), umpamanya, kamera *low-angle* terhadap protagonisnya melibatkan detik-detik kejatuhan dan kekalahan dalam karier politiknya.

Contoh di atas membuktikan bahawa "bahasa filem" bukanlah sesuatu yang preskriptif dan tetap kerana perlu diteliti mengikut konteks, mengambil kira *form* keseluruhan filem, atau pun "membaca" ketekalan gaya seseorang pengarah. Ada juga kecenderungan tafsiran filem yang cuba menyeragam dan menstatikkan makna tanpa mengira filem, usaha yang dipacu pendekatan teoretis tertentu (seperti psikoanalisis). Filem yang baik dengan sendirinya akan memperlihatkan keanekaragaman makna atau maksud bila ditafsir. Namun, tafsiran filem ada hadnya kerana makna "diungkap - bukannya dicipta."

■ Penulis ialah Ketua Pusat Pengajian Pasca-Siswazah, Fakulti Filem, Teater dan Animasi, UiTM, Kampus Puncak Perdana, Shah Alam.



- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

